

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. IR. TS DR SOLEHUDIN SHUIB
PENOLONG REKTOR
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG
UiTM CAWANGAN SELANGOR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
INDUSTRY XPLORE STUDENT DIGITAL
INDUSTRY ROADTOUR

11 OKTOBER 2025 | SABTU | 8.30 PAGI
AUDITORIUM 1

Terima kasih pengerusi majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Dr. Muhammad Hussain Ismail
Pengarah Pusat Jaringan Industri (INC)

YBrs. Dr. Ahmad Shah Pakeer Muhamed
Ketua Pusat Jaringan Industri (INC)

YBrs. Encik Sulhairil Hafiz Haji Sulaiman
Ketua Seksyen Pengamal Media
Akademik Kenegaraan Malaysia

YBrs. Encik Ardi Putra Daros

Sahabat Penggerak MADANI

Akademik Kenegaraan Malaysia

YBrs Profesor Madya Dr. Mas Suryalis Ahmad

Dekan Fakulti Pergigian

YBrs Profesor Madya Dr. Budi Aslinie Md Sabri

Timbalan Dekan PJI/ICAN Fakulti Pergigian

Barisan Koordinator Fakulti

Barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan dan
Pentadbiran Kampus (MPPK)

Barisan Jawatankuasa Program

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya
mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, yang Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Selaku tuan rumah bagi destinasi ***Industry Xplore Student Digital Industry Roadtour*** pada kali ini, saya mengalu-alukan kehadiran YBrs Profesor Dr. Muhammad Hussain Ismail, Pengarah Pusat Jaringan Industri (INC) dan pasukan, barisan daripada Akademi Kenegeraan Malaysia (AKM) serta pihak pengurusan MAXIS ke UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh.

3. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, kita semua diberi kesihatan dan ruang untuk hadir dalam program jaringan industri yang merupakan inisiatif hasil kerjasama strategik antara UiTM melalui Jabatan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Maxis dan Akademi Kenegeraan Malaysia (AKM).

4. Untuk makluman YBrs Prof dan sidang hadirin, aspirasi program ini telah diletakkan di bawah Unit Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh. Atas nilai kebersamaan dan pencapaian KPI PI74, ***Number of activities under MoA/ MoU with International Industries***, penganturan ini telah didukung bersama-sama pihak ICAN Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian.

Hadirin yang dihormati,

5. Program ini bertujuan memperkasakan pelajar dengan pendedahan mengenai peluang dan strategi berkenaan keusahawanan digital selaras dengan peranan mereka dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

6. Kepentingan ini juga selari dengan trend Revolusi Industri 4.0 dan 5.0, di mana automasi dan AI, memainkan peranan penting dalam perniagaan masa depan. Menggalakkan Inovasi dan Teknolog

7. Para pelajar sangat beruntung kerana mendapat pendedahan ini daripada syarikat telekomunikasi Maxis yang sememangnya menyokong inovasi berasaskan AI dan automasi dalam pembangunan keusahawanan digital selari dengan tema ***“Empower Young Minds With Digital Entrepreneurs And Industry Insights”***

8. Justeru, saya menyeru kepada para pelajar sekalian, ambillah peluang dan ruang ini untuk meningkatkan kefahaman terhadap peluang perniagaan yang berasaskan teknologi serta menyemai semangat kenegaraan melalui pendekatan interaktif ini.

9. Akhir kata, saya berharap program seperti ini yang membentuk kerjasama strategik antara institusi Pendidikan, korporat dan agensi kerajaan dan menjadi wadah membentuk usahawan digital yang lebih berwawasan dan berdaya saing, dapat diteruskan pada masa hadapan.

Sekian,

Wabillahitaufiq Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabaraktu